

THE IMPACT OF POST-COLONIALISM PHILOSOPHY ON MUSEUMS: A CRITICAL ANALYSIS

Ahmad Farid Abd Jalal¹, Rahimin Affandi Abdul Rahim², Mohamad Hilmi Mat Said³, Awang Azman Awang Pawi⁴

¹Perbadanan Muzium Negeri Pahang, 26600 Pekan Pahang, Malaysia.

²Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

³Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pahang, Malaysia.

⁴Akademi Pengajian Melayu, Universti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

ABSTRACT – The museum discipline can be considered a dynamic modern institution. This one, among other things, stems from the openness of this institution with the philosophy of post-colonialism. It is a modern humanitarian philosophy that challenges many flaws of past scientific theories. This study will use library research methods that will examine the influence of post-colonial philosophy in the field of museums. The results of this study found that there are three main things about the impact of post-colonial philosophy in the field of museums, namely the emergence of New Museum Awareness, the universal issue of museums and the issue of decolonization from the influence of colonial museums.

ARTICLE HISTORY

Received: 17th Oct 2022

Revised: 21st Oct 2022

Accepted: 14th Nov 2022

KEYWORDS

Post-colonialism,
Museum,
New Museum Awareness,
Decolonialisation,
Colonial museums.

IMPAK FALSAFAH PASCA-KOLONIALISM TERHADAP MUZIUM: SATU ANALISIS KRITIKAL

ABSTRAK - Disiplin muzium dapat dianggap sebagai institusi moden yang dinamik. Hal ini antara lainnya berpunca daripada keterbukaan institusi ini dengan falsafah pasca kolonialism. Ia adalah suatu falsafah kemanusiaan moden yang banyak mencabar kepincangan teori keilmuan silam. Kajian ini akan menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan yang bakal meneliti pengaruh falsafah pasca kolonialism dalam bidang muzium. Hasil kajian ini mendapati bahawa pengaruh falsafah pasca kolonialism dalam bidang muzium dapat dikesan dalam tiga perkara utama iaitu kemunculan Kesedaran Muzium Baru, isu universal muzium dan isu dekolonialisasi daripada pengaruh muzium kolonial.

KATA KUNCI

Pasca-kolonialism,
Muzium,
Kesedaran Muzium Baru,
Dekolonialisasi,
Muzium kolonial.

PENGENALAN

Syeikh ‘Abd al-Samad al-Falimbani merupakan salah seorang ulama Melayu yang tersohor dalam sejarah perkembangan Islam di Tanah Melayu. Beliau adalah antara ulama tersohor di akhir abad ke-18 M dan awal abad ke-19 M, dan juga salah seorang sarjana di eranya. Kemasyhuran beliau tidak perlu dipertikaikan lagi terutamanya dalam kalangan pengkaji dan pencinta ilmu agama. Kealiman beliau dalam bidang keagamaan sangat terserlah. Ini bukti melalui karya-karya beliau dalam pelbagai bidang keilmuan yang masih menjadi rujukan masyarakat Islam hingga ke detik ini.

Sepanjang hayatnya al-Falimbani telah berjaya menghasilkan beberapa buah karya dalam pelbagai disiplin dan aspek ilmu keislaman, dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Meskipun beliau merupakan seorang yang terkemuka, namun riwayat hidup beliau atau keperibadiannya, serta salasilah keturunannya adalah tidak lengkap dan samar-samar.

SOROTAN LITERATUR

Apa Dia Falsafah Pasca Kolonial

Para sarjana tidak sependapat apabila membincangkan tentang bila falsafah pasca kolonialism muncul. Secara dasarnya, istilah pasca kolonial merujuk kepada tempoh masa selepas zaman penjajahan tamat (era tahun 1950an-1970an); jadi pemikiran ini wujud selepas era penjajahan tamat dan tidak sebelumnya. Ia membawa erti, era pasca kemerdekaan ini agak unik kerana ia mampu menjana pelbagai elemen positif untuk pemikiran manusia, sedangkan hal ini tidak berlaku di zaman sebelumnya.

Falsafah pasca kolonial ini menunjukkan bagaimana peranan ilmu atau falsafah yang mencirikan kehidupan manusia. Kalau dulunya, manusia lebih bergantung pada kuasa ketenteraan mengatasi kuasa falsafah dan pemikiran, pada era pasca kolonial ini manusia mengetahui bahawa ilmu itu lebih penting. Ilmu ini amat penting dalam sejarah tamadun manusia.

Meskipun ia tergolong dalam bentuk intangible (tidak boleh disentuh), namun kepentingan falsafah pemikiran terbukti amat besar sekali - sehingga boleh membentuk dan mempengaruhi kewujudan sesuatu tamadun material. Hakikat ini dijelaskan dengan cukup tuntas oleh Edward Said dengan teori keluasan pengaruh idea (*travelling theory*) [1]. Ia menjelaskan tiga keistimewaan sesuatu idea atau sesuatu gagasan pemikiran besar;

Pertama, sesuatu idea itu boleh tersebar melalui orang perseorangan melepasi sempadan kawasan dan waktu. *Kedua*, sesuatu idea itu seringkali beradaptasi atau berlaku proses sintesis dengan idea-idea lain sehingga melahirkan idea baru yang lebih mantap. Kekuatannya amat besar yang mampu merubah sesuatu persekitaran. *Ketiga*, idea yang mendapat sentuhan agama akan menjadi kuasa besar sehingga mampu membuat seseorang berkorban demi ideanya. Contoh terbaik boleh dilihat kepada idea Islah (tajdid) di Tanah Melayu yang dibawa oleh graduan Haramayn dan Universiti Azhar suatu masa dahulu [2].

Pemikiran pasca kolonial adalah suatu bentuk falsafah pemikiran terpenting yang lahir bersamaan dengan munculnya kemerdekaan negara tanah jajahan negara barat di seluruh dunia. Ia secara tidak langsung mencerminkan kematangan pemikiran masyarakat yang telah diberi status kemerdekaan [3].

Secara rincinya, pasca kolonial ini terdiri daripada kesedaran kemanusiaan selepas era penjajahan (kolonialisme) yang bertindak:

1. Pemikiran yang menterbalikkan ideologi kolonialisme. Memandangkan kolonialisme adalah falsafah politik yang menindas bangsa lain untuk kepentingan kewangan, maka pasca kolonial berusaha melakukan rekonstruksi (membongkar dan Menyusun balik). Ia cuba mendedahkan kepincangan ideologi kolonialisme barat. Lebih penting lagi, ia berusaha memperincikan bagaimana falsafah dan metodologi kolonialisasi dilakukan.
2. Pendekatan yang melihat dunia daripada kaca mata golongan yang tertindas (subaltern). Ia diutarakan oleh pemikir daripada benua Afrika dan India. Ia mendedahkan sejarah daripada golongan bawahan yang tertindas. Mereka memainkan peranan utama dalam perjalanan sejarah tetapi peranan mereka dilupakan kerana penulisan sejarah biasanya penuh dengan agenda kolonial dan feodal. Dalam soal ini, Khairudin Juneid menegaskan bahawa pengasas semangat anti kolonialisme sebenar adalah Dr Burhanudin Helmy dan bukannya tokoh-tokoh pembesar Melayu yang merupakan klon British [4].
3. Pendekatan dekolonialisasi iaitu membebaskan diri daripada warisan kolonial silam.
4. Pemikiran yang berusaha mengangkat ketinggian tamadun tempatan mengatasi tamadun barat. Dalam konteks pemikiran Islam, ia merupakan falsafah yang melihat sesuatu perkara daripada perspektif yang lebih holistik dan wasatiyyah yang mengambilkira elemen sejarah silam dalam merangka masa depan.
5. Pendekatan pemikiran yang bersifat kritikal [5], selektif [6], analitikal dan rasional. Antara lainnya ia cuba menilai samada neo kolonialisme ataupun seumpamanya masih tetap berjalan ataupun tidak. Apa yang jelasnya, pendekatan melawan penindasan ini bukan terhenti untuk zaman kolonial semata-mata tetapi perlu diaplikasikan hingga zaman selepas merdeka.

Bila Munculnya Falsafah Pasca Kolonial

Terdapat perbezaan pendapat di kalangan sarjana tentang asal usul falsafah ini. Antaranya; *pertama*, ia muncul akibat pengaruh ideologi sosialisme-marxism yang memang menentang keras kolonialisme. Ia dikaitkan dengan pemikiran Edward Said dan Syed Hussin Al-Attas yang berusaha membongkar kepincangan kolonialisme barat. Keduanya berjaya menonjolkan bagaimana ilmu sains sosial barat khususnya ilmu kolonial ciptaan barat dipergunakan untuk tujuan penjajahan.

Kedua, teori yang mengatakan bahawa konsep pasca kolonial muncul akibat pengaruh ideologi dan falsafah barat di negara bekas tanah jajahan sendiri. Ia menegaskan bahawa sarjana barat sendiri yang bertanggungjawab menimbulkan falsafah pasca kolonialisme ini. Lebih tepat lagi, ia didakwa sebagai perancangan pihak barat untuk mendokong teori pentamadunan yang dibawa oleh pihak barat – bila mana mereka bukan setakat menjajah masyarakat tanah jajahan, tetapi juga menimbulkan teori pasca kolonial bagi kemudiannya bertujuan membela nasib masyarakat tanah jajahan.

Bagi Abdul Rahman Embong, falsafah pasca kolonialisme di peringkat idea dasarnya (proto- ideology) memang telah wujud lebih awal sebelum ianya muncul dalam istilah dan falsafahnya yang lengkap. Ia mengatakan: *Lazimnya, sesuatu fenomena sejarah baik dalam masyarakat mahupun dalam bidang ilmu telah wujud dan berkembang sebelum istilah yang sesuai dicipta untuk memaksudkannya dan kemudian diterima pakai oleh umum sehingga menjadi popular* [7].

Di tahun 1980an, secara rasminya, pengajian pascakolonial sebagai satu disiplin dan pendekatan dalam sastera dan bidang lain diperkenalkan di IPT barat. Hal ini berlaku apabila diterbitkan beberapa buah buku terkenal iaitu;

1. *Orientalism* (1978) dan *Culture And Imperialisme* (1994) oleh Edward Said.
2. *Europe And Its Others* (prosiding symposium di University of Essex pada 1982 dan 1984) yang memuatkan tulisan Homi Bhabha.
3. *The Empire Strikes Back: Race And Racism In 70's Britain* diterbitkan pada 1982 oleh Centre For Contemporary Cultural di Birmingham.

PERBINCANGAN

Impak Falsafah Pasca Kolonialism dalam Dunia Muzium

Falsafah Pasca Kolonialism telah memberi impak yang agak besar sehingga mampu mencabar dominasi muzium barat. Hal ini boleh dirujuk kepada beberapa perkara:

Munculnya Konsep *New Museum* (Kesedaran Muzium Baru)

Kesedaran muzium baru ini sangat berbeza dengan konsep muzium klasik. Hal ini dirujuk kepada beberapa perkara; *pertama*, ia adalah usaha mengkritik konsep muzium klasik yang dikatakan lebih tertumpu kepada usaha-usaha di muzium - seperti proses mengumpul, merawat, menjaga dan memindahkan kepada galeri untuk dipamerkan. Ia langsung tidak mengambil kira aspek memahami keperluan masyarakat dalam erti kata sebenar. Para pendokong konsep *new museum* ini menekankan bahawa muzium perlu bersifat terbuka dengan masyarakat - sama ada terlibat dalam proses mendidik atau menerima pakai maklum balas atau kritikan daripada masyarakat.

Maksud terbuka disini merujuk kepada keterbukaan pihak curator muzium barat yang sanggup menerima pandangan masyarakat tanah jajahan yang tidak bersetuju dengan paparan kolonial sebelumnya [8]. Contohnya sarjana-kurator muzium barat mengakui keterlibatan pihak kolonial British dan Belanda dalam perdagangan yang mementingkan keuntungan hingga sanggup menindas pihak lain [9]. Mereka terlibat dalam perdagangan senjata, candu dan hamba [10]. Mereka lebih suka memaksa pihak pemerintah tempatan di Tanah Melayu dan Indonesia memberikan hak monopoli hanya kepada mereka.

Kedua, konsep muzium baru menolak fakta autoriti kebenaran yang kononnya dimiliki oleh curator muzium klasik [11]. Sebaliknya, mereka lebih menganggap peranan kurator moden adalah sebagai sarjana, penyelidik dan pendidik kepada masyarakat. Ia perlu menjadi sarjana-penyelidik dengan sentiasa melakukan penyelidikan perpustakaan dan lapangan sebelum melakukan pemilihan tema dan objek yang ingin dipamerkan. Setiap kurator sebagai pendidik masyarakat dapat dilakukan dengan menyampaikan pengajaran dalam bentuk sistem nilai baik dan data terkini kepada pengunjung [12].

Isu Deklarasi Muzium Universal

Kita boleh mengesan keterbukaan Muzium barat melakukan program dekolonialisasi terhadap kandungan Muzium barat. Sarjana Muzium moden termasuk ahli ICOM telah mendesak Muzium besar di barat seperti British Muzium memulangkan balik artifak milik negara bekas jajahan. Ia membabitkan artifak *Parthenon Marbles* daripada Greek, artifak *Nefertiti* daripada Mesir dan artifak *Benin* daripada Nigeria. Desakan ini telah menyebabkan 19 muzium besar di barat menandatangani deklarasi Muzium universal [13].

Senarai 19 muzium yang menandatangani deklarasi universal muzium adalah 1) the Art Institute of Chicago; 2) Bavarian State Museum, Munich (Alte Pinakothek, Neue Pinakothek); 3) State Museums, Berlin; 4) Cleveland Museum of Art; 5) J. Paul Getty Museum, Los Angeles; 6) Solomon R. Guggenheim Museum, New York; 7) Los Angeles County Museum of Art; 8) Louvre Museum, Paris; 9) The Metropolitan Museum of Art, New York; 10) The Museum of Fine Arts, Boston; 11) The Museum of Modern Art, New York; 12) Opificio delle Pietre Dure, Florence; 13) Philadelphia Museum of Art; 14) Prado Museum, Madrid; 15) Rijksmuseum, Amsterdam; 16) State Hermitage Museum, St. Petersburg; 17) Thyssen-Bornemisza Museum, Madrid; 18) Whitney Museum of American Art, New York; 19) The British Museum, London.

Ia membawa maksud mereka menjadi pemilik Muzium ensiklopedia yang menjaga artifak milik masyarakat dunia [14]. Maknanya mereka tidak perlu akur dengan kehendak negara bekas tanah jajahan untuk memulangkan semua artifak terbabit – demi untuk kepentingan seluruh masyarakat dunia [15].

Di sebalik keengganan pihak muzium barat memulangkan artifak milik masyarakat tanah jajahan, ahli ICOM seperti Joseph Maria dan Christian Kreps tetap mengkritik dan mendedahkan fakta kepincangan kuasa bekas penjajah menjarah hasil artifak milik masyarakat tanah jajahan [16].

Joseph Maria sebagai contohnya telah melakukan kajian terhadap artifak masyarakat tanah jajahan yang tersimpan di muzium di barat. Ia mendedahkan daripada rekord sejarah yang dicatat oleh penjajah eropah sendiri tentang beberapa fakta yang agak mengemparkan. Antaranya, artifak berharga milik masyarakat peribumi di Afrika, Timur Tengah, India dan Asia kebanyakannya dirampas oleh penjajah eropah yang dianggap sebagai harta rampasan perang. Mereka memang mengetahui artifak ini yang berupa patung objek keagamaan, perhiasan emas, tembaga, gading, peralatan senjata, manuskript ilmu dan sebagainya memang mempunyai pasaran yang tinggi di Eropah. Contohnya, Raffles dicatatkan telah merompak barangan istana keraton di Jogjakarta.

Kebetulannya ialah bahawa fenomena mengumpul bahan artifak eksotik dalam koleksi muzium memang menjadi kegilaan di eropah pada abad ke 18. Peminat barangan eksotik ini sanggup membeli dan menaja proses mendapatkannya di tanah jajahan. Dilaporkan timbul rungutan pihak muzium pusat di eropah tentang ketiadaan ruang yang mencukupi untuk menyimpan jumlah artifak yang terlalu banyak [17].

Bahkan ada di antara artifak ini yang telah rosak teruk apabila kurang mendapat penjagaan yang baik. Contohnya, apa berlaku kepada Batu Pucangan dan Batu Catatan Raja Sailendra daripada Indonesia. Keduanya telah rosak teruk akibat tidak dijaga dengan oleh pegawai British. Hal ini dicatatkan oleh Joseph Maria;

In 1812 Colonel Colin Mackenzie of the British-Indian forces in Java collected the *Pucangan Stone*. It was shipped to the colonial administration in India and is currently in a storeroom of the Indian Museum in Kolkata. Through the years, the clarity of the inscription on 'the sole known documentary source' about the reign of King Airlangga (1019 -

1049), has been damaged. In the same period, Mackenzie collected the 10th century East-Javanese *Sangguran* stone, also with a rare inscription. Lieutenant-Governor T.S. Raffles donated it to the Governor-General of India, Lord Minto. Upon his departure, Minto took 'the last known recorded document issued by the Sailendra rulers of ancient Mataram in Central Java (8th - 10th century)' to his estate in Scotland, where heavy winds and rain erased the inscription of what has become now a 'garden ornament'. The Minto family wants a high sum as compensation, which Indonesia is unwilling to pay [18].

Dokongan ICOM dengan Agenda Pasca Kolonial (Menentang Kolonialism)

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa keunggulan institusi muzium moden terletak kepada ICOM. Ia merupakan badan induk yang menaungi kesemua muzium di seluruh dunia; tidak kira sama ada di negara maju, sedang membangun dan mundur. Sejak ditubuhkan pada tahun 1946, ICOM (International Council of Museum) telah memainkan peranan utama di dalam bidang permuziuman antarabangsa. Ia terlibat memperkenalkan pelbagai program penambahbaikan muzium yang sepatutnya. Ia mengambil kira aspirasi kesemua negara ahli [19].

ICOM telah menekankan peri pentingnya kod etika muzium yang mengatur dan menjadi inspirasi kepada aktiviti muzium dunia. Kepentingan kod etika dalam institusi muzium dapat difahami dalam beberapa perkara [20];

1. Ia dihasilkan secara bersama (demokrasi) antara ahli tanpa mengira ahli daripada negara kaya atau miskin.
2. Ia dihasilkan daripada kesedaran peri pentingnya warisan tangible dan intangible kepada manusia sejagat yang timbul selepas tamatnya trauma Perang Dunia Kedua yang menyaksikan banyaknya berlaku kemusnahan jiwa dan warisan sejarah.
3. Ia dihasilkan daripada kesedaran muzium baru yang menolak konsep muzium klasik. Kesedaran ini dihasilkan oleh ahli muzium yang multi bangsa yang memang pakar dalam bidang muzium.
4. Proses pengubalan kod etika muzium ini dibuat secara kolektif, kritikal dan berterusan (sentiasa terbuka) yang mengambil kira perkembangan pendekatan, falsafah dan ilmu semasa. Apa yang jelasnya, ia tidak bersifat statik tetapi sentiasa disemak dan diperbaiki oleh pakar-pakar dalam setiap pertemuan ICOM.
5. Kod etika ini lebih bersifat garis panduan yang mengatur dan memimpin kegiatan permuziuman dunia. ICOM bertindak sebagai badan akreditasi atau rakan sekerja (*peer group*) yang memimpin dan memantau kegiatan permuziuman dunia.
6. Etika muzium ini agak komprehensif yang mengatur kegiatan muzium di peringkat pembentukan institusi, pemilihan ahli, pemerolehan dan penjagaan koleksi, perkhidmatan kepada masyarakat, penyelidikan, pendidikan dan pameran.

ICOM mewakili negara ahli khususnya negara bekas tanah jajahan dengan menguatkuasakan etika ICOM yang bertepatan dengan falsafah pasca kolonialism. Ia antara lainnya menetapkan prinsip pemulangan harta warisan dan bahan budaya dari negara dijajah. Ia menetapkan bahawa;

Pertama, muzium barat harus sentiasa bersedia untuk melakukan perbincangan untuk pemulangan harta warisan kepada sesebuah negara atau masyarakat asal objek tersebut. Ia harus dilaksanakan secara tidak berat sebelah berdasarkan prinsip saintifik/ilmiah, profesional dan kemanusiaan serta perundangan tempatan, nasional dan antarabangsa yang berlaku, sebagai pilihan untuk bertindak di peringkat pemerintahan atau politik.

Kedua, apabila sesebuah negara atau masyarakat menginginkan pemuliharaan objek/spesimen yang telah terbukti melanggar undang-undang nasional atau antarabangsa dan ia terbukti adalah hak milik negara/masyarakat itu - muzium seharusnya bertanggungjawab serta bekerjasama dalam pemulangan objek tersebut.

Ketiga, Muzium seharusnya mengelak dari membeli/menerima bahan-bahan budaya daripada negara/kawasan yang dijajah serta perlu menghormati kesemua undang-undang serta konvesyen yang membolehkan import, eksport dan pemindahan hak milik bahan warisan budaya serta semulajadi.

Keempat, apabila aktiviti muzium melibatkan komuniti komtemporari dan/atau warisan mereka, perolehan perlu dibuat berdasarkan maklumat dan persetujuan bersama tanpa eksploitasi pemilik atau pemberi maklumat. Kehendak masyarakat yang terlibat juga perlu diambil kira.

Kelima, penggunaan koleksi dari komuniti komtemporari memerlukan penghormatan kepada maruah serta tradisi dan warisan yang digunakan. Koleksi yang ada perlu mempromosi kebaikan serta perkembangan sosial, tolak ansur dan hormat dengan mengadapatasi ekspresi yang berbilang budaya, bahasa serta sosial.

Keenam, untuk pameran bahan sensitive seperti mayat dan bahan suci perlu disusun dengan piawaian profesional dan mengambil kira kepercayaan, etnik serta minat tempat asal objek tersebut. Ia perlu dipersembahkan dengan cara yang baik dan terhormat serta bermaruah [21].

Isu Pendekatan Multicultural dalam Pameran Membabitkan Agama

Pihak British Museum dan muzium Volkenkunde telah menrapkan pendekatan objektiviti dalam pembentukan Layout dan Storyline pameran haji. Berpandukan falsafah muzium baru, pameran Haji anjuran British Museum dan muzium Volkenkunde telah mengambil kira penyertaan ahli masyarakat. Ia secara khusus membabitkan pengalaman masyarakat Islam yang pernah mengerjakan ibadat haji di Mekah. Ia disusun mengikut piawaian bagaimana ibadat haji sebenar dikerjakan tanpa memasukkan pandangan pihak muzium sendiri. Lebih menarik lagi, program ini dibuat secara kerjasama dengan pelbagai pihak iaitu penganut Islam-Jemaah haji, University of Leiden, British Museum, muzium Volkenkunde

dan kerajaan Arab Saudi. Semua objek dan gambar turut diperolih secara pinjaman daripada jemaah haji dan pihak berkuasa Arab Saudi. Garis masa pameran ini agak holistik membabitkan 7 perkara [22]:

- pengenalan kepada ibadat haji dan rukun Islam.
- persiapan untuk mengerjakan Haji.
- perjalanan mengerjakan Haji.
- proses transisi pemakaian pakaian ihram.
- ritual Haji semasa di Mekah dan Madinah.
- cenderamata Haji.
- proses jemaah Haji kembali ke tanah air.

Hasil pameran haji ini ternyata amat positif khususnya dapat mendedahkan falsafah kenapa ibadat haji dikerjakan. Hal ini dirakam oleh Laura Ilagien yang menyertakan komen daripada pengunjung bukan Islam [23]:

- “This is an understandably didactic etidak hibition, addressing a subject which will probably be quite unfamiliar to many visitors – the story comes first, with the objects etidak hibited becoming illustrations, and means through which that story is told.”
- “Implicitly challenging us to etidak amine our own faith, this etidak hibition is a must for Christians wanting to learn about Islam, whether or not already involved in inter-faith contacts”.
- “The British Museum’s Hajj: Journey to the Heart of Islam finds its biggest strength as not just an educational look at the Muslims practice of pilagirimage, but more importantly as an act of cultural diplomacy, one that invites both Muslims and non-Muslims to come together in etidak perienicing an otherwise very private world.”
- “Amidst a rapid news culture where speedy headlines are dominant, the etidak hibit is one where visitors can go to slow down, encounter new artworks and artifacts, erase their misconceptions, and leave having made, to some degree, their own pilagirimages towards a greater sense of cultural understanding and engaged dialogue.”

Akhir sekali, pihak curator muzium barat sentiasa akur dengan prinsip Islam dalam pameran. Mereka memang memiliki koleksi gambar dan artifak nabi dan tokoh-tokoh Islam tetapi kerana faktor falsafah iconoclasm- mereka menolak tindakan melukis/ menggambarkan Nabi Muhammad secara visual [24].

Isu Dekolonialisasi (Pembebasan) Muzium daripada Pengaruh Kolonial

Untuk konstek Malaysia, memang terdapat usaha mengkritik untuk membebaskan diri daripada warisan kolonial, ia termasuk dalam bidang permuziuman. Sarjana di Malaysia telah mengemukakan pelbagai formula bagi membebaskan pelbagai bidang ilmu yang dresapi dengan pengaruh kolonial. Antaranya yang terkenal adalah bidang sastera [25], sejarah, sains [26], pertanian [27], pengurusan [28], perkhidmatan awam [29], perundangan [30], pendidikan [31], kajian manuskrip [32] dan sebagainya.

Penyelidik muzium di Malaysia telah memaklumi reality pengaruh kolonial dalam bidang muzium selepas Malaysia merdeka. Matthew Schauer [33] dan Shamsul Amri Baharuddin [34] secara tegas mengatakan bahawa masyarakat tanah jajahan selepas merdeka hanya menerima tinggalan muzium kolonial secara pasif. Pihak kolonial telah meletakkan batu asas dalam bentuk mengekalkan paradigma/ substance muzium kolonial. Apa yang jelasnya, walaupun ia diubah secara adhoc agar sesuai dengan aspirasi negara yang merdeka, tetapi asasnya tetap menggunakan paradigma kolonial. Contohnya Indonesia dan Malaysia dikatakan hanya menerima tinggalan bahan artifak yang sebelumnya dikumpulkan oleh penjajah. Semuanya hanya berpindah tangan kepada pemilik sendiri tanpa adanya usaha untuk memerdekakan diri daripada pengaruh world-view penjajah.

Setakat ini, beberapa usaha yang lebih responsive dan kritikal telah dilakukan membabitkan usaha dekolonialisasi ini.

Memperincikan Falsafah Persembahan Muzium Kolonial

Mengikut Ahmad Farid Abdul Jalal, falsafah muzium kolonial dibangunkan berasaskan kepada dua falsafah utama: Pertama, falsafah *evolutionism* yang menganggap tamadun barat sebagai lebih tinggi darjatnya berbanding dengan tamadun timur. Pencapaian tamadun barat ini disebabkan penerimaan fahaman sekularisme dan menolak kepentingan agama di dalam kehidupan manusia. Sebaliknya, masyarakat bukan barat yang masih berpegang utuh kepada agama dianggap sebagai mundur, bodoh, bebal dan tidak bertamadun. Ia harus ditamadunkan oleh masyarakat Eropah melalui proses penjajahan. Bahkan tugas menjajah demi untuk mengajar masyarakat timur ini dianggap sebagai tanggungjawab sosial yang perlu dimainkan oleh masyarakat Eropah (*white man’s burden*) [35].

Kedua, falsafah *diffusionisme* yang menganggap kemajuan masyarakat Melayu bukan kerana sifat asal diri mereka yang baik dan proaktif terhadap sesuatu kemajuan [36], tetapi disebabkan faktor pengaruh budaya asing (difusi budaya) yang secara langsung telah ditiru oleh masyarakat Melayu. Sikap ini secara terang-terangan telah menafikan kepandaian masyarakat tempatan (*local genius*) di dalam membina sesuatu tamadun tempatan. Antara budaya asing yang kononnya telah mencirikan kebudayaan Melayu adalah Hindu-Buddha, Arab, India, Parsi dan yang terpenting sekali adalah pihak British sendiri [37].

Pegangan falsafah ini kemudiannya mempengaruhi kerangka muzium kolonial. Persembahan artifak di muzium kolonial dibuat dalam bentuk *periodization* khusus bersesuaian dengan teori evolusi Charles Darwin yang menerangkan [38]:

1. Pembahagian ras manusia sedunia: ras kulit putih menduduki ras teratas berbanding dengan ras lain.
2. Asal usul orang Melayu: penerangan tentang asal-usul zaman pra sejarah dan penghijrahan daripada kawasan luar kemudiannya masuk ke Alam Melayu.
3. Zaman dan kawasan tertentu: pengaruh budaya asing (Hindu, China dan barat) di Alam Melayu.
4. Sumber alam semula jadi: botani, geologi dan zoologi.

Sarjana kolonial British menjadikan Alam Melayu sebagai tempat utama untuk usaha memungut spesimen dan sampel manusia, haiwan, botani dan sebagainya untuk membuktikan ketepatan teori evolusi Charles Darwin. Alfred Russel Wallace, seorang ahli ilmiah British (seangkatan dengan Darwin) yang mengumpul koleksi spesimen di Tanah Melayu dan Sarawak telah mengemukakan teori bahawa setiap spesimen perlu dibahagikan mengikut lokasi geografi, etnografi, geologi, botani dan zoologi.

Setiap spesimen manusia, flora dan fauna yang diperolehi perlu melalui proses pengklasifikasian bagi memperincikan saiz dan bentuknya yang berbeza dan pelbagai. Bagi lapangan kajian etnografi pula, ia cuba menonjolkan teori bahawa setiap kumpulan manusia berbeza mengikut mutu tertentu. Spesimen manusia bukan Eropah digambarkan sebagai lebih rendah dan primitif berbanding dengan manusia Eropah yang dianggap *superior*. Bersesuaian dengan teori Darwin tentang kewujudan manusia pra sejarah, Wallace cuba menyokong lagi kebenaran teori ini dengan beberapa bukti sokongan. Beliau meneruskan penyelidikan kajiannya mencari manusia zaman sebelum pra-sejarah (*Prehistoric Man*) di kawasan Alam Melayu. Ini antara lain termasuk penyelidikan di kawasan tapak arkeologi Gua Niah di Sarawak [39].

Segala bahan yang dikumpulkan ini dihantar ke London untuk dimasukkan di British Museum. Bahan dari Alam Melayu telah membantu pihak British memperlembapkan kandungan untuk beberapa muzium seperti alam semula jadi (*natural history*), etnografi dan kajian sejagat (*universal survey*) [40]. Spesimen dan sampel yang diperolehi ini telah digunakan sebagai bahan kajian bagi memajukan lagi lapangan sains sehingga melahirkan Akademi Sains dan Royal Botanical Garden di London [41].

Semua objek yang dipungut akan dipamerkan mengikut satu siri atau kategori khusus. Ia dimulakan dengan: (i) *Prehistoric Races*, (ii) *Modern Savage*, dan (iii) *European Civilized Man*. Wallace menyebut bahawa tiada bangsa di kawasan tropika atau Alam Melayu yang dapat membangunkan tamadun dan hanya orang barat sahaja yang berupaya membangunkan sesebuah tamadun di sana. Dalam erti kata lain, tanpa bantuan orang barat masyarakat di Alam Melayu tidak akan mampu membina tamadun sendiri [42].

Hasilnya, Kawasan dan zaman Alam Melayu dipecahkan berdasarkan pengaruh budaya dan agama: *Pertama*, sifat kebergantungan Alam Melayu dengan pengaruh asing. Dalam skema pengaruh ini, pengaruh kolonial paling menyerlah kerana mengajar elemen saintifik kepada orang Melayu. Mereka menafikan kepandaian tempatan orang Melayu (*local wisdom*) dalam melahirkan tamadun Tanah Melayu dan terpaksa bergantung dan meniru tamadun asing. Ia terdiri daripada pengaruh budaya dan agama asing yang datang di Alam Melayu tanpa disengajakan.

Kedua, mereka langsung tidak menyebut agenda pihak British datang untuk tujuan penjajahan - iaitu atas faktor ekonomi semata-mata. Malah didakyahkan bahawa tujuan mereka datang untuk campur tangan di Tanah Melayu adalah demi mengajar pentadbiran negara pada orang Melayu. *Ketiga*, menunjukkan kawasan Tanah Melayu secara lebih makro berdasarkan pengaruh-pengaruh kawasan luar seperti Arab, India dan China [43]. *Keempat*, menafikan Ketuanan Melayu - bukan pemilik Alam Melayu.

Pembahagian tahap zaman dan koleksi *Ancestral Artifact* (nenek moyang) orang Melayu dipersembahkan bagi menunjukkan betapa hina dan rendah kedudukan manusia Melayu yang bersusur galur daripada manusia era zaman Paleolitik. Secara tidak langsung mereka cuba menafikan konsep ketuanan Melayu bahawa orang Melayu mengasas dan membina tamadun gemilang sehingga layak diiktiraf sebagai pemilik dan tuan kepada Alam Melayu.

Pendekatan ini membuatkan masyarakat peribumi Melayu malu dengan sejarah mereka sendiri dan kemudiannya akan bergantung harap sepenuhnya pada pihak kolonial British. Mereka memotretkan bangsa peribumi Melayu sebagai bangsa yang statik, bermutu rendah dan tidak boleh berubah ke arah yang lebih baik. Lebih buruk lagi, warisan orang Melayu hanya dijadikan sebagai objek untuk mengisi ruang pameran muzium pihak British. Masalah terbesar yang dihadapi adalah pandangan negatif mereka tentang orang Melayu adalah bersifat satu hala dan orang Melayu tidak berupaya membela diri dengan segala tuduhan dan *stereotyping* yang diberikan oleh pihak British [44].

Menolak Teori Bukti Kewujudan Tamadun Berasaskan Penemuan Artifak yang Dikemukakan oleh Sarjana Kolonial

Berasaskan falsafah *logico positivism*, sarjana kolonial menyatakan bahawa wujud atau tidak sesuatu tamadun di sesuatu kawasan perlu dibuktikan dengan kewujudan artifak atau manuskrip sejarah yang mewakili sesuatu masyarakat terbabit. Andainya tidak ditemui sesuatu bukti material ataupun bahan yang ditemui itu terlalu ringkas, mereka akan mengambil sikap simplistik dengan mengatakan perkembangan ilmu dan tamadun Islam sebagai tidak ada. Maksudnya, bagi mereka wujud ataupun tidak sesuatu tamadun material dan intelektual bagi sesuatu masyarakat atau kerajaan bergantung sepenuhnya kepada adanya atau ditemui artifak yang mengandungi maklumat tentang tamadun tersebut. Begitu juga, artifak yang ditemui itu perlulah lengkap dan tidak samar-samar [45]. Jadi apabila didakwa tidak kedapatan artifak atau manuskript tentang Islam dan masyarakat Pahang - maka Pahang sebelum kedatangan british, dianggap tidak mempunyai sejarah. Ia berada dalam keadaan huru hara tanpa sistem kerajaan khusus [46]. Lagipun british tidak

menerima sumber sejarah tempatan yang menggambarkan tentang masyarakat Pahang, semuanya dikatakan penuh mitos yang tidak boleh dipercayai [47].

Ahmad Farid Abdul Jalal telah menjawab teori ini dengan beberapa hujah;

Pertama, bentuk sumber sejarah yang digunakan. Ia bukan setakat artifak material semata-mata seperti mana diutarakan sarjana kolonial. Ini kerana mengikut Muhammad Arkoun, selain daripada bukti material, realiti budaya masyarakat Islam sebagai *living evidence* juga patut diambil kira apabila mengkaji tentang sesuatu tamadun dan pengamalan konsep Islam. Maknanya, walaupun tidak ditemui bukti arifak (*tangible*), tetapi fakta sejarah boleh diketahui daripada *Living Tradition* (tradisi zaman berzaman yang hidup dan boleh dikesan hasilnya hingga pada masa sekarang). Contohnya tradisi pengamalan Islam yang kuat dipegang oleh masyarakat Pahang.

Lagipun terdapat sumber sejarah tempatan tentang sejarah Pahang yang tidak ditemui oleh sarjana british. Contohnya tentang sejarah kedatangan golongan syed mmyebarkan Islam di Pahang. Ia termasuk juga sejarah pembukaan kawasan di Pahang oleh golongan yang berhijrah ke Pahang (kes pembukaan kawasan Raub di Pahang).

Kedua, Kajian di bawah tajaan Muzium Negeri Pahang secara jelas berjaya membuktikan bahawa Pahang telah menerima Islam lebih awal berbanding Melaka (1414M) dan Terengganu (1303M). Antara bukti-bukti ini adalah;

1. Penemuan Batu Nisan di Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan bertarikh 1028 Masihi. Batu nisan ini mirip seperti batu nisan yang dijumpai di Perlak dan Pasai yang mengalami proses Islamisasi awal dalam sejarah Alam Melayu. Bukti ini menunjukkan Pahang adalah salah satu negeri Pantai Timur yang menjadi tempat terawal menerima proses Islamisasi lebih awal daripada melalui Kesultanan Melayu Melaka. Lebih jauh lagi, kawasan Timur Laut (Pahang dan Terengganu) ini mempunyai sejarah penyebaran Islam daripada Tanah Arab yang agak panjang. Ia telah menjadi pelabuhan dan persinggahan pedagang asing, khususnya saudagar Arab dan Parsi yang sama tarikhnya dengan kawasan pantai barat Tanah Melayu [48].
2. Penemuan artifak arkeologi di Pulau Tioman - kawasan pelabuhan yang maju satu ketika dahulu dalam rangkaian jalan perdagangan antarabgsa antara Cina dan India dengan Timur Tengah [49].
3. Kawasan pahang telah dijadikan tumpuan pelarian Ahl Bayt (keturunan keluarga nabi) daripada Timur Tengah. Ia menjadi penyebab utama kenapa golongan keturunan Syed agak ramai, yang boleh dikesan di beberapa penempatan di pahang. Golongan ini agak penting kerana mereka dianggap sebagai pendakwah pakar yang bertanggungjawab menyebarkan Islam ke seluruh rantau Alam Melayu [50].

Menolak Teori Orang Melayu Bangsa yang Tidak Bertamadun

Bagi sarjana kolonial orang Melayu adalah bangsa primitif yang tiada identiti diri serta tidak mampu mendefinisikan diri mereka yang membezakan dengan etnik lain. Hanya dengan bantuan british yang mampu memperkenalkan atau membezakan orang Melayu dengan etnik lain. Orang Melayu dipersembahkan kepada masyarakat dunia melalui pameran di muzium British.

Dalam paparan sarjana kolonial, orang Melayu digambarkan sebagai bangsa yang simple, primitif dan *irrasional*, tetapi bersifat eksotik dan memukau. Watak orang Melayu disifatkan malas, fatalis, berpuashati dengan apa yang dimiliki dan berlaku kerana factor genetic yang rendah. Sifat utama kajian-kajian ini mendedahkan dan menyebarkan propaganda kononnya masyarakat Melayu adalah bersifat negatif seperti malas [51], suka berpoya-poya [52], keras kepala [53], tidak boleh diharap [54], suka berhutang [55] dan sebagainya.

Teori songsang ini mampu di jawab dengan beberapa penerangan; *Pertama*, jauh sebelum british datang, masyarakat dunia (Yunani, Arab, Cina dan Indonesia) memang telah mengenali kawasan dan masyarakat Islam Pahang. Terbukti dengan penemuan catatan penjelajah Yunani dan Cina tentang peta kawasan Pahang (sebagai kerajaan Melayu tertua) di dunia. Sejarah mencatatkan, Pada abad 16-18 M, pelayar daripada Andalusia yang sampai ke Alam Melayu telah mencatat serba serbi tentang masyarakat Alam Melayu. Hal ini terbukti dengan wujudnya tulisan awal tentang Alam Melayu. Ia digambarkan sebagai kawasan yang subur dan penuh dengan galian berharga.

Selepas kejatuhan Andalusia dan berlakunya perkembangan falsafah Renaissance, catatan awal ini diperolih oleh bangsa portugis dan sepanyol yang melancarkan pengembaraan dakwah dan perdagangan ke Alam Melayu. Hubungan bangsa Eropah awal ini dengan masyarakat Alam Melayu adalah agak tegang dan tiada pertembungan budaya dan intelektual positif yang berlaku [56].

Kedua, sarjana antropologi barat menyatakan bahawa tamadun hanya wujud apabila adanya sistem tulisan dan karya intelektual. Keduanya menyebabkan sesuatu masyarakat mampu mencatat dan mendefinisikan diri mereka berbanding dengan masyarakat lain. Memang terbukti masyarakat Melayu Pahang mempunyai sistem tulisan yang digunakan untuk menulis pelbagai manuskript ilmu. Bukti terpentingnya adalah dengan wujudnya manuskript Hukum Kanun Pahang. Ia secara langsung membuktikan telahpun wujud kerajaan Islam yang melaksanakan undang-undang Islam di Pahang [57].

KESIMPULAN

Rumusan akhirnya, beberapa perkara dapat ditegaskan. Pertama, falsafah pasca kolonial yang tergolong dalam bentuk intangible telah memberikan impak yang sangat besar kepada disiplin muzium. Ia membawa agenda penolakan ilmiah terhadap dasar penjajahan British. Kedua, terdapat majoriti sarjana menegaskan bahawa falsafah ini muncul akibat pengaruh ideologi sosialisme-marxism yang memang menentang keras kolonialism. Namun begitu, terdapat teori lain yang mempercayai falsafah ini pertama kali diperkenalkan oleh ulama Melayu dalam sejarah Alam Melayu. Ketiga, falsafah pasca kolonial ini telah meninggalkan impak yang besar dalam bidang permuziuman moden. Ia membabitkan

kemunculan Kesedaran Muzium Baru, isu universal muzium dan isu dekolonialisasi daripada pengaruh muzium kolonial. Memang diakui bahawa institusi muzium adalah warisan kolonial, namun manfaat yang terkandung di dalamnya adalah amat besar sekali. Ia patut dikekalkan dengan syarat kesemua pengaruh dan falsafah ilmu kolonial yang sesat yang terkandung didalamnya perlu disaring terlebih dahulu.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai oleh skim geran penyelidikan Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah – Muzium Pahang (ASA-RC) yang bertajuk Meraikan Ilmu (001.KOLONIALISME/2021). Sehubungan dengan itu, pihak penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada ASA-RC atas sumbangan dana yang telah diberikan.

RUJUKAN

- [1] Edward Said (1983), *Traveling Theory In The World, The Text, and The Critic*, Harvard University Press, h. 226-227.
- [2] Michael Francis Laffan (2003), *Islamic Nationhood and Colonial Indonesia: The Umma Below The Winds*, London: RoutledgeCurzon.
- [3] Mohamad Daud Mohamad dan Zabidah Yahya (2005), *Pascakolonialisme dalam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- [4] Khairudin Juneid (2012), *Theorising Colonialism In The Malay World*, Zawawi Ibrahim (ed.), *Social Science and Knowledge in a Globalizing World*, Petaling Jaya: PSSM, h. 201-218.
- [5] Syed Hussein Al-Attas (2005), “Watak Tertawan Di Negara Membangun, Dalam Edit Oleh Mohamad Daud Mohamad *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, Kuala Lumpur: DBP, h. 2-10.
- [6] Awang Azman Awang Pawi (2009), “Menulis Dengan Budaya Pascakolonial: Analisis Catatan Kembara,” *Jurnal Pengajian Media*, h. 133-148.
- [7] Abdul Rahman Embong (2005), “Persoalan Pascakolonialisme, dalam Edit Mohamad Daud Mohamad dan Zabidah Yahya,” *Pascakolonialisme dalam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 45-58.
- [8] Ahmad Farid Abd Jalal, Abdullah Yusuf, Ahmad Faisal Abd Hamid & Rahimin Affandi Abd Rahim (2019), “Kesedaran Muzium Baru Di Malaysia,” *Jurnal Melayu Sedunia*, Vol. 2, Issue 1, h. 93-111.
- [9] Richard B. Allen (2009), *European Slave Trading in the Indian Ocean, 1500–1850*, Ohio University Press Athens, Ohio, h. 1-26.
- [10] Van Welie, Rik. (2008), *Slave Trading And Slavery In The Dutch Colonial Empire: A Global Comparison*. New West Indian Guide/Nieuwe West-Indische Gids, vol. 82, nos. 1-2, h. 47-96.
- [11] Kraft, Sarah (2018), *Acknowledging The Colonial Past: Display Methods Of Ethnographic Objects*, Master Of Arts In Museum Professions, Seton Hall University, h. 1-9.
- [12] Hooper-Greenhill, 2000, *Museums And The Interpretation Of Visual Culture*. London & New York: Routledge, h. 133
- [13] Ivan Karp (2006), *Museums Serve Every Nation*, dalam *Museum Frictions: Public Cultures/Global Transformations*, Durham: Duke University Press, h. 247-49.
- [14] Dushanthi Inoka Jayawardena (2010), *Universal Museums: Their History, Challenges And Need For A Renewed —Universall Perspective*, Tesis Sarjana Untuk The Graduate School Of The University Of Florida.
- [15] Neil G.W. Curtis (2006) *Universal Museums, Museum Objects And Repatriation: The Tangled Stories Of Things*, *Museum Management And Curatorship*, 21:2, h. 117-127
- [16] Joseph Maria van Beurden (2016), *Treasures In Trusted Hand Negotiating The Future Of Colonial Cultural Objects*, tesis kedoktoran untuk Universiti Amsterdam, h. 45-48.
- [17] Ibid.
- [18] Ibid.
- [19] Ahmad Farid Abd Jalal (2020), “Muzium Dan Kedaulatan Institusi Beraja Di Malaysia,” *Jurnal ‘Ulwan*, Jilid 5 (1), H. 27-44.
- [20] Gary Edson (1997), *Museum Ethics*, Routledge : London And New York.
- [21] Neil G.W Curtis (2003), *Human Remains The Sacred*, *Museums And Archaeology, Public Archaeology*, Volume 3, h. 21-32; Swedish National Heritage Board (2020), *Good Collections Management. Guidance For Handling Human Remains In Museum Collections*
- [22] Laura Ilagien (2013), *Volkenkunde Museum and its Visitors A case study on the making of the Haji etidak hibition*, Master Thesis untuk university of Leiden, h. 25-30.
- [23] Ibid.
- [24] Klas Grinell (2019), *Muhammad At The Museum: Or, Why The Prophet Is Not Present*, *Religions*, 10, h. 10-13.
- [25] Mohamad Saleeh Rahamad (2007), *Oksidentalisme Dalam Persuratan: Juzuk Penting Dalam Kajian Pascakolonial*, *Pemikir*; Zawiah Yahya (1994), *Resistementing Colonialist Discourse*, Penerbit UKM
- [26] Choon-Lee Chai (2008), *Science and Modernity: Modern Medical Knowledge and Societal Rationalization in Malaysia*, *tesis Ph.D untuk Department of Sociology University of Saskatchewan*, khususnya dalam bab 4-6; Mohd Hazim Shah (2007), *Historicising Rationality: The Transmission of Rationality and Science to the Malay States under British Rule*, dalam *Asian Journal of Social Science* 35, h. 216–241.

- [27] Ezwan Arman (2008), "Science And Technology Transfer Under Colonial Administration: A Case Study Of Agricultural Policy And Development In British Malaya (1905-1957)" *Tesis Ph.D Untuk Fakulti Sains Universiti Malaya* Kuala Lumpur.
- [28] Mohd. Noor Mat Yazid (2014), Colonial Policy And The Impact To The Politico-Economy Stability After Independence: The Case Of Indonesia Under The Dutch And Malaysia Under The British, *Review of History and Political Science*, December 2014, Vol. 2, No. 3 & 4, h. 69-84.
- [29] Khasnor Johan (1979), "Perkhidmatan Tadbir Melayu: Tradisi Dan Peranan Dalam Konteks Kerajaan Penjajah", dalam *Malaysia: Sejarah Dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur, h. 134-145.
- [30] Rahimin Affandi Abd Rahim (2010), Batu Bersurat Terengganu: Satu Tafsiran Terhadap Pelaksanaan Syariah Islam, *Jurnal Fiqh*, No. 7, h. 107-148; Abd Halim Ismail (2018), *Ilmu Kolonial Dan Hukum Islam Di Malaysia*, tesis sarjana APIUM.
- [31] Mehmet Ozay (2011), A Revisiting Cultural Transformation: Education System In Malaya During The Colonial Era, *World Journal Of Islamic History And Civilization*, v. 1 (1), h. 37-48.
- [32] Jelani Harun (2008), Kajian Naskhah Undang-Undang Adat Melayu Di London, *SARI*, V. 26.
- [33] Matthew Schauer (2012), *Custodians Of Malay Heritage: Anthropology, Education, And Imperialism In British Malaya And The Netherlands Indies 1890-1939*, tesis Ph.D untuk University of Pennsylvania, h.4-6.
- [34] Shamsul Amri Baharuddin, *Ilmu Kolonial Dalam Pembentukan Sejarah Intelektual Malaysia: Sebuah Pandangan*, Siri Kertas Kajian Etnik UKM (UKM Ethnic Studies Paper Series No. 17) Institute of Ethnic Studies (KITA) Bangi, (2011), 1-37
- [35] Wang Gungwu (1970), *Scholarship And The History and Politics of Southeast Asia*, Flinders University Of South Australia, H. 11.
- [36] Zainal Kling (1994), *Antropologi Tafsiran: Sumbangan Kebudayaan Melayu Kepada Teori*, Syarahan Perdana Untuk Pengukuhan Profesor, Kuala Lumpur, H. 8-10.
- [37] Carolina Lopez (2001), The British Presence In The Malay World: A Meeting Of Civilization Traditions, *SARI*, 19, h. 3-33
- [38] B. Anderson (1991), *Imagined Communities: Reflections On The Origin And Spread Of Nationalism*, Verso, London, H. 185.
- [39] Loh Chee Yin (1967), The A.R. Wallace Collection In The Sarawak Museum Reference Library, *Sarawak Museum Journal*, 15(30-31), h. 446-455.
- [40] Marta C. Lourenço (2003), Contributions To The History Of University Museums And Collections In Europe, *Museologia* 3, h. 17-26.
- [41] Paulette Dellios (1999), *The Museum As Artifact, Made In Malaysia*, Tesis Ph.D Untuk James Cook University Of North Queensland, h. 83-84
- [42] Savage, V.R. (1984), *Western Impression Of Nature And Landscape In Southeast Asia*, Singapore University Press, H. 125
- [43] Reid, Anthony (1993), Introduction: A Time And A Place, dalam *Southeast Asia In The Early Modern Era: Trade, Power, And Belief*, (edited) Anthony Reid, Ithaca, NY: Cornell University Press, h. 1-19.
- [44] Mohamed Anwar Omar Din (2011), Asal-Usul Orang Melayu: Menulis Semula Sejarah, *Jurnal Melayu* (7), h. 1 - 82
- [45] Rahimin Affandi Abdul Rahim (2011), Metodologi Disiplin Occidentalisme Alternatif: Tumpuan Khusus Terhadap Pandangan Orientalis Terhadap Hukum Islam, *Jurnal Syariah*, No.2.
- [46] Hanapi Dolah (1983), Struktur Dan Hubungan Masyarakat Melayu Tradisional Berdasarkan Sejarah Melayu: Satu Perbincangan Teoritis, *SARI*, V.1(2).
- [47] Hussain Othman (2008), Conceptual Understanding Of Myths And Legends In Malay History, *SARI*, V. 26, H. 91-110
- [48] Abdul Rahman Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*, Kuala Lumpur: DBP, H. 89-90.
- [49] Artifak Arkeologi Pulau Tioman Di Muzium Pahang.
- [50] Mahayuddin Haji Yahya dan Ahmad Jelani Halimi (1993), *Sejarah Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, H. 622
- [51] A. Wright Dan T.H. Reid (1912), *The Malay Peninsula*, London, H. 315.
- [52] E. G. De Eredia (1930), "The Description Of Malaca ", Dalam *JMBRAS*, V. 8:1, H. 31.
- [53] T.S. Raffles (1930), *Memoir Of The Life And Public Services Of Sir Stamford Raffles*, London, V. 1, H. 91 dan 288-289.
- [54] W. L. Richmond (1928), *The Modern Malay*, London, H. 95 Dan 223.
- [55] F. Swettenham (1895), *Malay Sketch*, Singapore, H. 2-3.
- [56] Hairudin Harun (2004), *Retorik Sains Dan Teknologi Di Malaysia*, DBP : Kuala Lumpur, H. 71-74.
- [57] Ahnaf Wafi Alias (2018), Peranan Kurator Muzium Negeri Pahang Dalam Memastikan Kelangsungan Manuskrip Hukum Kanun Pahang, *Prosiding Persidangan Siswazah Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu 2018 (Persipmam)*, ATMA UKM, h. 215-230.